



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 13 Februari 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

M'sia-Turkiye MOU team to keep track on progress

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) and Turkiye's Trade Ministry have agreed to set up a committee that will drive and monitor all aspects of the implementation of the Memorandum of Understanding (MOU) signed by both parties.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali (*pic*) said both parties had inked the MOU, which focuses on cooperation related to aspects of consumer protection and market monitoring and inspection in conjunction with Turkish Presi-



dent Recep Tayyip Erdogan's two-day official visit to Malaysia, which ended on Tuesday.

The MOU was signed by Armizan and Turkiye Trade Minister Prof Dr Omer Bolat yesterday and

the document exchange was also witnessed by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and Erdogan.

Armizan said the formal cooperation is a continuation of discussions and initial efforts that were agreed upon with Prof Bolat during his working visit to Turkiye last September, *Bernama* reported.

KPDN, Kementerian Luar Turkiye tubuh jawatankuasa pantau pelaksanaan MoU

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Kementerian Perdagangan Turkiye, bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa yang akan menggerakkan dan memantau aspek pelaksanaan memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai kedua-dua pihak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata kedua-dua pihak memeterai MoU yang memfokuskan kepada kerjasama dalam aspek perlindungan pengguna serta paman-

tauan dan pemeriksaan pasaran, bersempena dengan lawatan rasmi dua hari Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan ke Malaysia yang berakhir kelmarin.

“Kewujudan kerjasama ini dan penubuhan jawatankuasa ini adalah langkah tepat yang akan memberikan faedah dan peluang kepada kedua-dua negara dalam berkongsi amalan terbaik, kepakaran, pengalaman, serta pengetahuan untuk penambahbaikan dasar dan pelaksanaan program dalam bidang yang dipersetujui,” kata-

nya dalam kenyataan, semalam.

MoU itu ditandatangani Armizan bersama Menteri Perdagangan Turkiye, Prof Dr Omer Bolat, kelmarin.

Majlis pertukaran dokumen MoU turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan.

Manfaat bersama

Armizan berkata, jalinan kerjasama rasmi itu adalah kesinambungan daripada perbincangan dan usaha rintis yang disepakati bersama Menteri Perdagangan

Turkiye ketika lawatan kerjanya ke Turkiye pada September tahun lalu.

“Melalui MoU ini, kedua-dua negara akan mendapat manfaat, termasuk penerokaan kerjasama untuk mendalami aspek standardisasi keselamatan barangan, pendekatan pendigitalan serta pengumpulan data dan analitik dalam pelaporan kepenggunaan dan harga barangan.

“Ini meliputi kaedah pengurusan aduan serta mekanisme pemantauan harga barang dan perkhidmatan,” katanya.

BERNAMA

KPDN, Kementerian Perdagangan Turkiye setuju tubuh jawatankuasa pantau pelaksanaan MoU

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Kementerian Perdagangan Turkiye, bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa yang akan menggerakkan dan memantau aspek pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai kedua-dua pihak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata kedua-dua pihak telah memeterai MoU yang memfokuskan kepada kerjasama dalam aspek per-

indungan pengguna serta pemantauan dan pemeriksaan pasaran, bersempena dengan lawatan rasmi dua hari Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan, ke Malaysia yang berakhir kelmarin.

“Kewujudan kerjasama ini dan penubuhan jawatankuasa ini merupakan langkah tepat, yang akan memberikan faedah dan peluang kepada kedua-dua negara dalam berkongsi amalan terbaik, kepakaran, pengalaman, serta pengetahuan untuk penambahbaikan dasar dan pelaksanaan program dalam bidang yang telah dipersetu-

jui,” katanya dalam kenyataan semalam.

MoU itu telah ditan-datangani oleh Armizan bersama bersama Menteri Perdagangan Turkiye Prof Dr Omer Bolat, semalam. Majlis pertukaran dokumen MoU turut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan.

Armizan berkata jalinan kerjasama rasmi itu adalah kesinambungan daripada perbincangan dan usaha rintis yang telah disepakati bersama Menteri Perdaga-

nan Turkiye semasa lawatan kerjanya ke Turkiye pada September tahun lepas.

“Melalui MoU ini, kedua-dua negara akan mendapat manfaat termasuklah pen-erokaan kerjasama untuk mendalami aspek standardisasi keselamatan barangan, pendekatan pendigitalan serta pengumpulan data dan analitik dalam pelaporan kepenggunaan dan harga barangan.

“Ini meliputi kaedah pengurusan aduan serta mekanisme pemantauan harga barang dan perkhidmatan,” katanya. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Sidang Dewan Rakyat

Syor subsidi minyak peket dimasukkan dalam skim SARA

Bayaran dalam bentuk tunai lebih berkesan bendung ketirisan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang Ahli Parlimen mencadangkan kaedah pemberian subsidi ke atas minyak masak peket ditukar kepada pemindahan tunai menerusi Sumbangan Tunai Rahmah (SARA) setiap bulan.

Lee Chean Chung (PH-Petaling Jaya) berkata, pendekatan sedemikian lebih berkesan dalam membendung ketirisan yang dilaporkan masih berlaku, biarpun pelbagai pemantauan dan tindakan sudah diambil penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

“Kerajaan wajar mengkaji pemberian subsidi minyak masak dan memberikan bayaran bersasar menerusi bentuk tunai. Ini cara lebih baik dengan penjimatan.

“Dalam kiraan saya, menerusi skim SARA, kita boleh membantu 2.6 juta isi rumah menikmati bantuan di antara RM50 hingga RM200 sebulan untuk membeli barang keperluan asas berbanding kaedah (pemberian subsidi) minyak masak seperti sekarang,” katanya ketika membahaskan usul menjunjung kasih titah diraja di Dewan Rakyat semalam.

Sukar dapat bekalan

Beliau berkata, kaedah pemberian subsidi minyak peket ketika ini menyukarkan golongan berpendapatan rendah mendapatkan bekalannya di pasar raya atau kedai runcit kerana sering kehabisan.

“Keadaan ini membebankan



Lee Chean Chung


golongan pendapatan rendah. Lebih membimbangkan, ketika kami menjalankan program agihan makanan, ada pembekal dapatkan minyak masak termasuk membelinya dari warga asing dengan harga lebih tinggi daripada pasaran.

“Ini memberi persoalan mengenai ke-berkesanan kawalan subsidi oleh kerajaan untuk sampai ke golongan sasar,” katanya.

Sejak 2023, kerajaan memperuntuk lebih RM1.5 bilion subsidi untuk minyak masak peket bagi membolehkan produk itu dijual pada harga RM2.50 bagi setiap peket di pasaran.

Namun, kesukaran untuk mendapatkan bekalan itu di pasar raya dan kedai runcit berikutan ketiadaan stok atau stok habis, menyebabkan golongan berpendapatan rendah tidak mendapatkan manfaat langsung daripada inisiatif bantuan itu.

PGA Sarawak rampas RM1.1 juta diesel



Gambar 1 – 8 : Tangkapan dan rampasan bersabit Report No. ULU LANANG/RPT/467/25

ANTARA barangan yang dirampas oleh PGA Sarawak pada Op Taring Bravo 1, baru-baru ini.

KUCHING: Operasi (Op) Taring Bravo 1 yang dilaksanakan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Sarawak membawa kepada rampasan diesel bersubsidi bernilai RM1.1 juta di Sibu dalam satu pada 12 Februari lalu.

Komander Briged PGA Sar-

awak, SAC AB Ghazali Che Ahmad menyatakan operasi itu, yang dilakukan oleh Batalion Ke-10 PGA, adalah sebahagian daripada usaha berterusan membanteras kegiatan penyeludupan di wilayah itu.

"Polis berjaya menahan dua

lelaki tempatan berusia antara 44 hingga 48 tahun dan berjaya menemui 9,000 liter diesel bersubsidi yang disimpan di premis berkenaan," katanya.

Pihak berkuasa turut merampas dua lori yang disyaki digunakan dalam operasi haram itu.

"Anggaran jumlah nilai rampasan berdasarkan harga pasaran ialah RM1,148,400. Individu yang ditahan dan barang rampasan telah diserahkan kepada KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) Cawangan Sibu untuk tindakan dan siasatan lanjut," katanya.

Selain itu, kes disiasat mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan.

Operasi tersebut telah dilaksanakan dari 1 Januari hingga 12 Februari lalu dan berjaya merekodkan rampasan keseluruhan bernilai RM71.9 juta dalam 44 kes, yang membabitkan 87 tangkapan (73 warga tempatan, 14 warga asing) serta rampasan 37 kenderaan pelbagai jenis.

Dua lelaki ditahan bersama diesel bersubsidi bernilai RM1.1 juta

SIBU: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak menahan dua lelaki tempatan berusia 44 dan 48 tahun serta merampas minyak diesel bersubsidi bernilai RM1.1 juta dalam satu serbuan di sini, semalam.

Komander Briged Sarawak PGA SAC Dr Che Ghazali Che Awang berkata, serbuan yang dijalankan pada jam 9.30 pagi itu dilakukan oleh Cawangan Risik Batalion 10 PGA Sibu ke atas sebuah premis yang dipercayai dijadikan pusat penyimpanan dan penyeludupan diesel bersubsidi. "Hasil pemeriksaan mendapati sebanyak 9,000 liter minyak diesel bersubsidi disimpan di premis berkenaan.

"Pasukan serbuan turut merampas dua buah lori yang dipercayai digunakan dalam kegiatan ini," katanya dalam satu



HASIL SERBUAN: Tangkapan dan rampasan oleh pasukan Cawangan Risik Batalion 10 PGA Sibu di sebuah premis semalam.

kenyataan.

Menurutnya, nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM1,148,400 berdasarkan harga pasaran semasa.

Kesemua suspek dan barang rampasan telah diserahkan

kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Sibu untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

◆ [Utusan Online](#)

Dua lelaki ditahan bersama diesel bersubsidi bernilai RM1.1 juta

► **Dari Muka 1**

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan bahawa sepanjang tempoh antara 1 Januari hingga 12 Februari lalu, Briged Sarawak PGA telah mencatat

kejayaan besar memusnahkan 10 kenderaan pelbagai jenis yang dipercayai digunakan dalam kegiatan jenayah tersebut turut dirampas.

Sejumlah 44 kes telah direkodkan dalam operasi itu, membabitkan penahanan 87 individu, terdiri daripada 73

warga tempatan dan 14 warga asing.

Selain itu, sebanyak 37 kenderaan pelbagai jenis yang dipercayai digunakan dalam kegiatan jenayah tersebut turut dirampas.

28 NEGERI

SINAR HARIAN • KHAMIS 13 FEBRUARI 2025

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

NEGERI SEMBILAN JOHOR

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Kekurangan kelapa disebabkan musim melawas ketika ini dan berbeza dengan isu beras tempatan

Isu harga santan: Peniaga jangan ambil kesempatan

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
SEREMBAN

Semua peniaga dinasihatkan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga jualan makanan ekoran peningkatan harga kelapa ketika ini.

Exco Kanan Negeri Sembilan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, peningkatan harga bahan mentah itu disebabkan faktor kekurangan bekalan, namun akan kembali stabil apabila tiba waktunya.

"Kelapa ini berasaskan kepada keadaan dan suasana. Ada ketika waktu kelapa ini mengalami kekurangan bekalan dan mengakibatkan harga meningkat berdasarkan permintaan.

"Tapi keadaan ini akan stabil apabila sampai waktunya nanti. Ia tidak akan berterusan dan memberi kesan kepada peniaga. Cuma kita harap bila kenaikan berlaku sekarang, peniaga tidak ambil kesempatan naikkan harga jualan," kata-



JALALUDDIN

nya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Exco di Wisma Negeri di sini pada Rabu.

Tambah beliau, apa yang berlaku kepada kelapa ketika ini tidak sama dengan isu kekurangan beras putih tempatan.

Jelasnya, berdasarkan perhatiannya kekurangan bekalan kelapa tidak menjejaskan pengguna dan masih dalam keadaan terkawal.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan peniaga menjangkakan harga santan meningkat menjelang Ramadan berikutan harga kelapa di pasaran yang tidak menentu.

Tinjauan di Pasar Besar Seremban mendapati, harga satu kilogram (kg) santan adalah RM12 manakala pati santan pula dijual antara RM13 ke RM15.

Menurutnya, peningkatan harga berlaku disebabkan ketika ini musim melawas menyebabkan buah kelapa tidak menjadi.



Kekurangan kelapa menyebabkan harga di pasaran meningkat mendadak.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 FEBRUARI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Feb	KPDN, Kementerian Perdagangan Turkiye setuju tubuh jawatankuasa pantau pelaksanaan MoU	https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1360385/kpdn-kementerian-perdagangan-turkiye-setuju-tubuh-jawatankuasa	BERITA HARIAN
13-Feb	KPDN, Kementerian Perdagangan Turkiye setuju tubuh jawatankuasa pantau pelaksanaan MoU	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2391670	BERNAMA
13-Feb	Malaysia-Turkiye perkukuh kerjasama perdagangan, peralihan tenaga	https://www.buletintv3.my/nasional/malaysia-turkiye-perkukuh-kerjasama-perdagangan-peralihan-tenaga/#google_vignette	TV3
13-Feb	Malaysia-Turkiye perkukuh kerjasama melalui MoU	https://malaysia-tribune.news/2025/02/12/malaysia-turkiye-perkukuh-kerjasama-melalui-mou/	MALAYSIA TRIBUNE
13-Feb	Recycling centres, metal trade workshops inspected in Ampang Jaya	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2025/02/12/recycling-centres-metal-trade-workshops-inspected-in-ampang-jaya	THE STAR
13-Feb	Ganti subsidi minyak masak kepada bayaran tunai SARA	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1360412/ganti-subsidi-minyak-masak-kepada-bayaran-tunai-sara	BERITA HARIAN
13-Feb	Subsidi bersasar, pulangkan pada yang berhak	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-subsidi-bersasar-pulangkan-pada-yang-berhak-508256	ASTRO AWANI
13-Feb	Pengusaha bengkel didenda RM1,800 gagal patuhi award TTPM	https://www.sinarharian.com.my/article/712342/berita/semasa/pengusaha-bengkel-didenda-rm1800-gagal-patuhi-award-ttpm	SINAR HARIAN

13-Feb	Pengusaha bengkel didenda RM1,800 gagal patuhi award TTPM	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2391848	BERNAMA
13-Feb	Dua lelaki ditahan bersama diesel bersubsidi bernilai RM1.1 juta	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/12/dua-lelaki-ditahan-bersama-diesel-bersubsidi-bernilai-rm11-juta	UTUSAN BORNEO
13-Feb	PGA seizes RM1.1 million subsidised diesel in Sibu	https://utusanarawak.com.my/pga-seizes-rm1-1-million-subsidised-diesel-in-sibu/	UTUSAN SARAWAK
13-Feb	KPDN, Kementerian Perdagangan Turkiye setuju tubuh jawatankuasa pantau pelaksanaan MoU	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kementerian-perdagangan-turkiye-setuju-tubuh-jawatankuasa-pantau-pelaksanaan-mou-508303	ASTRO AWANI
13-Feb	KPDN, Turkiye Trade Ministry agree to setting up of committee to monitor MoU	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-turkiye-trade-ministry-agree-to-setting-up-of-committee-to-monitor-mou-JC13662975	THE SUN